



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 20 MEI 2020

STATUS TERKINI KES DISAHKAN COVID-19 YANG TELAH PULIH

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bahawa terdapat **60 kes** yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Ini menjadikan jumlah kumulatif kes yang telah pulih sepenuhnya dari COVID-19 dan telah discaj dari wad adalah sebanyak **5,706 kes** (81.4 peratus daripada jumlah keseluruhan kes). Justeru, bilangan kes pulih adalah hampir dua kali ganda kes baharu yang dilaporkan.

STATUS TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

Sehingga 20 Mei 2020 jam 12:00 tengah hari, terdapat **31 kes**, baharu yang telah dilaporkan. Oleh itu, jumlah kes positif COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak **7,009 kes** dan jumlah **kes aktif** dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah **1,189 kes**. Ingin dimaklumkan daripada 31 kes baru yang dilaporkan, sepuluh (10) kes adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara, manakala 21 kes adalah penularan tempatan di mana sepuluh (10) kes adalah bukan warganegara Malaysia.

Sehingga kini, terdapat **11 kes** positif COVID-19 yang sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU). Daripada jumlah tersebut, tujuh (7) kes memerlukan bantuan pernafasan.

Daripada maklumat terkini yang dilaporkan ke *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC) Kebangsaan, dimaklumkan bahawa **tiada** kes kematian berkaitan COVID-19 setakat ini. Justeru, jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia kekal sebanyak **114** kes (1.63 peratus daripada jumlah keseluruhan kes).

PENDERMAAN DARAH SEMASA BULAN RAMADAN DAN MUSIM PERAYAAN

Transfusi darah merupakan komponen penting dalam perawatan pesakit di fasiliti kesihatan seperti hospital terutamanya untuk mangsa kemalangan, ibu-ibu mengandung yang mengalami komplikasi pendarahan, bayi pra-matang, pesakit kanser dan *Thalassemia*, serta pesakit yang menjalani pembedahan major. Bekalan darah adalah diperlukan sepanjang masa, oleh itu bekalannya haruslah sentiasa mencukupi.

Kadar penggunaan darah semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 18 Mac 2020 sehingga 3 Mei 2020 didapati telah menurun. Ini mungkin disebabkan oleh kadar kemalangan jalan raya yang memerlukan rawatan di hospital yang telah berkurang sebanyak 60 hingga 70 peratus sepanjang penguatkuasaan PKP mulai 18 Mac 2020 sehingga 3 Mei 2020.

Semasa penguatkuasaan PKP, stok bekalan darah di Pusat Darah Negara dan Tabung-Tabung Darah di seluruh negara telah mengalami penurunan 40 peratus berbanding dengan tahun-tahun sebelum ini. Misalnya kutipan darah semasa bulan Mac 2018 sehingga Mei 2018 adalah sebanyak 111,328 beg,

namun kutipan dari bulan Mac 2020 sehingga Mei 2020 adalah hanya 67,135 beg.

Didapati jumlah kutipan darah sepanjang pelaksanaan PKP adalah hanya 60 peratus daripada jumlah sasaran. Meskipun pelbagai aktiviti promosi yang dijalankan oleh KKM dan rakan media, pencapaian kutipan darah sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) sehingga kini didapati masih belum memuaskan, iaitu hanya 57 peratus daripada jumlah sasaran.

Penurunan kutipan darah ini adalah amat membimbangkan memandangkan kini lebih banyak perkhidmatan elektif di hospital-hospital KKM telah mula beroperasi termasuk prosedur pembedahan (iaitu penggunaan meningkat daripada purata 9,000 beg darah seminggu kepada 13,076 beg pada minggu PKPB). Terdapat juga peningkatan kes-kes kemalangan sebanyak lima (5) hingga 10 peratus yang memerlukan rawatan di hospital. Menjelang sambutan Hari Raya Aidilfitri dan cuti perayaan lain yang bakal tiba, kebiasaannya didapati pola pendermaan darah adalah rendah.

Susulan itu, KKM menyeru orang ramai untuk datang menderma darah di Pusat Darah Negara dan Tabung-tabung Darah seluruh negara agar bekalan darah adalah berterusan dan mencukupi. Operasi perkhidmatan Pusat Darah Negara dan juga Tabung Darah yang lain telahpun dilanjutkan sehingga jam 9 malam sepanjang bulan Ramadan bagi memudahkan orang ramai untuk menderma selepas waktu berbuka puasa.

Orang awam boleh mendapatkan maklumat lanjut mengenai pendermaan darah di laman sesawang Pusat Darah Negara; www.pdn.gov.my, laman Facebook Pusat Darah Negara, laman KKM atau rujuk Tabung Darah yang disediakan di setiap negeri.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihatkan orang ramai agar mengambil tanggungjawab sosial (*social responsibility*) dalam memerangi wabak COVID-19 di Malaysia dengan kekal patuh kepada S.O.P iaitu:

- **S**: Syarat-syarat seperti yang ditetapkan di bawah PKPB;
- **O**: Orang yang berisiko tinggi seperti kanak-kanak, bayi, warga emas dan orang kurang upaya (OKU) perlu dilindungi, individu tidak sihat dan bergejala dikehendaki segera menjalani pemeriksaan kesihatan;
- **P**: Penjarakan sosial (*social distancing*) diamalkan pada setiap masa iaitu sekurang-kurangnya 1 meter.

Orang ramai turut diingatkan supaya patuh kepada 3S / 3C dan 3W seperti disarankan oleh KKM:

- **Elakkan 3S / 3C**: iaitu elakkan kawasan yang **sesak** (*Crowded place*), elakkan kawasan yang **sempit** (*Confined space*) dan elak **sembang** atau bertutur dengan jarak yang dekat (*Close conversation*).
- **Amalkan 3W**: iaitu kerap mencuci tangan dengan air dan sabun (*Wash*), sangat digalakkan memakai alat penutup hidung dan mulut (*face mask*) di tempat awam atau jika bergejala (*Wear*), dan (*Warn*) iaitu amaran dari KKM yang lebih berkonsep peringatan seperti:
 - Elak bersalaman / bersentuhan;
 - Amalkan etika batuk dan bersin;
 - Lakukan aktiviti disinfeksi;
 - Duduk di rumah dan hanya keluar sekiranya ada urusan penting sahaja;
 - Dapatkan rawatan segera jika bergejala.

KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

DATUK DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

20 Mei 2020 @ 4.30 petang

LAMPIRAN 1

BILANGAN KES COVID-19 MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA (SEHINGGA 20 MEI 2020, JAM 12:00 TENGAH HARI)

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
PERLIS	0	18
KEDAH	1	96
PULAU PINANG	0	121
PERAK	0	255
SELANGOR	15 (5)	1,665
NEGERI SEMBILAN	0	776
MELAKA	0	215
JOHOR	0	669
PAHANG	0	338
TERENGGANU	1	111
KELANTAN	1	156
SABAH	1	338
SARAWAK	0	544
W.P. KUALA LUMPUR	10 (3)	1,598
W.P. PUTRAJAYA	2 (2)	93
W.P. LABUAN	0	16
JUMLAH KESELURUHAN	31 (10)	7,009

*() adalah merujuk kepada kes-kes import